

## HUBUNGAN ANTARA FAKTOR DEMOGRAFI, PENGETAHUAN KEWANGAN DAN LOKUS KAWALAN DENGAN AMALAN PENGURUSAN KEWANGAN USAHAWAN KEJORA

### *RELATIONSHIP BETWEEN DEMOGRAPHIC FACTORS, FINANCIAL KNOWLEDGE AND LOCUS OF CONTROL WITH FINANCIAL MANAGEMENT PRACTICE AMONG KEJORA ENTREPRENEUR*

Nurunnajwa binti Abdul Rashid<sup>1</sup>  
Nor Aishah binti Buang<sup>2</sup>

<sup>1&2</sup>Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

<sup>1</sup>Email: nurunnajwa3@gmail.com

<sup>2</sup>Email: norais@ukm.edu.my

#### Article history

**Received date** : 28-2-2021  
**Revised date** : 29-2-2021  
**Accepted date** : 28-3-2021  
**Published date** : 31-3-2021

#### To cite this document:

Abdul Rashid, N., & Buang, N. (2021). Hubungan antara Faktor Demografi, Pengetahuan Kewangan dan Lokus Kawalan dengan Amalan Pengurusan Kewangan Usahawan KEJORA. *International Journal of Accounting, Finance and Business (IJAFB)*, 6 (32), 181 - 196.

---

**Abstrak:** *Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Malaysia merupakan penyumbang terbesar kepada proses pembangunan negara. Namun, kadar kegagalan bagi sektor ini juga berada pada tahap yang tinggi, di mana sebilangan penyelidik lepas telah menganggarkan peratus kegagalannya mencecah sehingga 60%. Kajian ini dijalankan untuk menentukan samada terdapat perbezaan yang signifikan terhadap amalan pengurusan kewangan melalui faktor jantina dan umur usahawan. Selain itu, kajian ini dijalankan untuk melihat hubungan antara pengetahuan kewangan dan lokus kawalan dengan amalan pengurusan kewangan dan seterusnya pengkaji akan menentukan faktor manakah yang lebih mempengaruhi amalan pengurusan kewangan dalam kalangan usahawan. Satu kajian tinjauan telah dijalankan dengan mengedarkan soal selidik kepada 135 orang usahawan KEJORA. Dapatan kajian mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan melalui faktor jantina terhadap amalan pengurusan kewangan. Walaubagaimanapun, jantina lelaki lebih menunjukkan skor min yang lebih tinggi berbanding dengan jantina perempuan. Manakala dari segi umur, terdapat perbezaan yang signifikan terhadap amalan pengurusan kewangan, di mana usahawan yang berusia lebih muda mempunyai amalan pengurusan kewangan yang lebih baik. Selain itu, terdapat juga hubungan yang signifikan antara faktor pengetahuan kewangan dan lokus kawalan dengan amalan pengurusan kewangan. Penemuan terakhir mendapati bahawa pengetahuan kewangan merupakan faktor yang paling mempengaruhi kepada amalan pengurusan kewangan dalam kalangan usahawan KEJORA. Kesimpulannya, pengetahuan kewangan dan lokus kawalan sememangnya memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi amalan pengurusan kewangan usahawan bagi menjamin kestabilan perniagaan yang dijalankan. Oleh itu, pengkaji mencadangkan supaya pihak sepatutnya perlulah mempelbagaikan inisiatif agar pengetahuan*

*kewangan dan lokus kawalan dalam dalam kalangan usahawan dapat dipertingkatkan, lebih-lebih lagi dalam kalangan usahawan wanita dan individu yang lebih berumur.*

**Kata Kunci:** *Faktor Demografi, Pengetahuan Kewangan, Lokus Kawalan, Amalan Pengurusan Kewangan.*

**Abstract:** *Small and Medium Enterprises (SMEs) in Malaysia are the biggest contributors to the national development process. However, the failure rate for this sector is at a high level, whereas several researchers have estimated the failure percentage reached up to 60%. This study was conducted to determine whether there are significant differences in financial management practices through gender and age factors of entrepreneurs. In this study, we will also look at the relationship between financial knowledge and locus of control with financial management practices, and then the researcher will look at which factors in financial management practices are more influential among entrepreneurs. A survey study was conducted by distributing questionnaires to 135 KEJORA entrepreneurs. The findings of the study found that there was no significant difference through gender factors on financial management practices. However, the male gender showed a higher mean score compared to the female gender. While in terms of age, there are significant differences in financial management practices, where younger entrepreneurs have better financial management practices. There is also a significant relationship between financial knowledge factors and locus of control with financial management practices. Recent findings have found that financial knowledge is the most influential factor in financial management practices among KEJORA entrepreneurs. In conclusion, financial knowledge and locus of control play an important role in influencing the financial management practices of entrepreneurs to ensure the stability of the business conducted. Therefore, the researcher suggested that the parties should need to diversify initiatives so that financial knowledge and locus of control among entrepreneurs can be enhanced, especially among women entrepreneurs and older individuals.*

**Keywords:** *Demographic Factors, Financial Knowledge, Locus of Control, Financial Management Practices.*

---

## **Pengenalan**

Perusahaan Kecil dan sederhana (PKS) di Malaysia dianggap sebagai sebuah industri yang semakin berkembang, sekaligus mampu merangsang dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara. Namun perkara yang menjadi kebimbangan ialah, walaupun perusahaan ini banyak dan mudah untuk ditubuhkan, kadangkala perusahaan ini didapati tidak mampu untuk bertahan dalam tempoh yang lama, dan terpaksa berhadapan dengan risiko kegagalan yang tinggi (Sajiah & Muhammad Shukri, 2018). Banyak kajian lepas yang menyatakan bahawa PKS di seluruh dunia tidak mampu untuk mempertahankan perniagaan mereka, dan peratus kegagalan yang dapat dilihat adalah hampir ketara iaitu 50% kegagalan pada 5 tahun pertama pertubuhan dan dua pertiga kegagalan dalam 10 tahun pertama pertubuhan (De Geest, Folmer, Walter & O'Boyle, 2015; Tairuddin Yusoff et al., 2018). Di Malaysia, statistik kadar kegagalan dalam kalangan PKS juga berada pada tahap yang membimbangkan di mana sebanyak 60% pada 5 tahun pertama pertubuhan (Kee Luen, Thiam Yong & Seng Fook 2013; Husin & Ibrahim 2014). Antara faktor utama yang mendorong kepada kegagalan usahawan PKS ialah amalan pengurusan kewangan yang lemah (Wolmarans & Meintjes 2015; Ravjee & Mamabolo 2019).

Pengurusan kewangan merupakan perangkuman proses, sistem, kawalan dalaman dan amalan yang berkaitan dengan cara jabatan dalam menguruskan pendapatan, perbelanjaan, aset, liabiliti dan kontijensi. Ia juga merangkumi polisi untuk mengurus risiko dan memantau prestasi kewangan dan operasinya, termasuk prestasi belanjawan dan melaporkan fungsi ini baik secara dalaman dan luaran (Sheikh Ali, 2019). Amalan pengurusan kewangan PKS adalah berbeza daripada firma yang lebih besar (Mazzarol, 2015). Pengurusan kewangan dianggap sebagai kemahiran asas yang penting bagi seseorang individu mengetahui aliran wang seharian, pengurusan pendapatan, perbelanjaan, dan sebagainya, terutama dalam kalangan usahawan (Noor Atiqah, Rusliza & Mohd Abdullah, 2017; Wan Ajrul, Mohd Faizal & Siti Mahani, 2018). Wolmarans dan Meintjes (2015) juga menyatakan bahawa, sesebuah perniagaan itu tidak akan mampu untuk bertahan dalam jangka masa yang lama sekiranya mempunyai pengurusan kewangan yang lemah.

Pengetahuan merupakan komponen yang paling diperlukan bagi sesebuah perniagaan dalam usaha untuk menguruskan kewangannya dengan cara yang lebih sistematik. Menurut Yahaya et al., (2019), pengetahuan kewangan merupakan kemampuan untuk membuat pertimbangan dan keputusan yang tepat dan berkesan mengenai penggunaan dan pengurusan wang. Kepentingan pengetahuan kewangan adalah jelas kerana kebiasaannya ia digunakan sebagai input kepada model yang menentukan keperluan pendidikan kewangan serta dapat menjelaskan perbezaan terhadap tingkah laku amalan pengurusan kewangan seperti simpanan, pelaburan dan sebagainya (Idris et al., 2013). Hubungan antara kedua pemboleh ubah ini adalah bersifat konklusif dimana hampir semua kajian yang dijalankan mendapati bahawa pengetahuan kewangan, mampu untuk mempengaruhi cara seseorang individu bertanggungjawab ke atas kewangannya (Robb & Woodyard, 2011; Zakaria et al., 2012). Di mana, individu yang lebih mempunyai pengetahuan kewangan yang baik lebih cenderung untuk menguruskan kewangannya dengan cara yang lebih sistematik (Yogasnumurti, Sadalia & Irawati, 2020).

Lokus kawalan juga merupakan suatu perkara yang sangat diperlukan di mana ia merupakan perspektif yang wujud bagi seseorang individu terhadap sesuatu peristiwa, sama ada peristiwa itu dapat mempengaruhi tindakan mereka atau tidak. Menurut Arifin et al. (2018), lokus kawalan merujuk kepada kecenderungan individu itu percaya bahawa mereka dapat mengawal peristiwa yang mempengaruhi mereka. Lokus kawalan terbahagi kepada dua dimensi iaitu lokus kawalan dalaman dan lokus kawalan luaran (Rotter, 1966). Seseorang yang mempunyai lokus kawalan dalaman akan lebih berkecenderungan untuk yakin pada dirinya dan percaya bahawa semua yang berlaku adalah bergantung pada dirinya sendiri. Sebaliknya, bagi seseorang yang mempunyai lokus kawalan luaran, dia akan cenderung untuk percaya bahawa semua perkara yang berlaku adalah bergantung kepada takdir dan persekitaran. Bukti empirikal juga menunjukkan bahawa lokus kawalan dapat mempengaruhi tingkah laku kewangan (Kholila & Iramani, 2013). Contohnya, Pinjisakikool (2017) mendapati bahawa individu yang mempunyai lokus kawalan secara relatifnya dapat membuat keputusan kewangan. Kesavayuth et al. (2018) pula menyatakan bahawa individu yang mempunyai lokus kawalan dapat menguruskan sebarang risiko kewangan dan dapat melihatnya dari sudut yang positif.


### Objektif Kajian

Objektif bagi kajian ini adalah untuk:-

- i. Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan signifikan bagi tahap pengetahuan kewangan berdasarkan jantina dan umur usahawan KEJORA.
- ii. Mengenal pasti sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan kewangan dan tahap lokus kawalan dengan amalan pengurusan kewangan dalam kalangan usahawan KEJORA.
- iii. Mengenal pasti sama ada faktor pengetahuan kewangan atau faktor lokus kawalan yang paling mempengaruhi amalan pengurusan kewangan dalam kalangan usahawan KEJORA.

### Kerangka Konseptual

Rajah 1 di bawah menunjukkan kerangka konseptual yang diadaptasi daripada kajian yang dijalankan oleh Parrotta dan Johnson (1996) dan model Ajzen (2002). Kedua-dua model ini adalah faktor yang dapat menyumbang kepada tingkah laku pengurusan kewangan. Namun, dalam kajian ini, pengkaji menggunakan istilah amalan berbanding tingkah laku disebabkan oleh kesesuaian elemen yang digunakan. Tom (2008) juga beranggapan bahawa amalan dan tingkah laku tidak mempunyai sebarang maksud yang bertentangan.



### Kajian Literatur

#### Hubungan Tahap Amalan Pengurusan Kewangan dengan Faktor Demografi

Kajian-kajian lepas mengenai amalan pengurusan kewangan yang baik adalah berkecenderungan untuk menilai kesan dari segi ciri-ciri yang dimiliki oleh individu ke atas tingkah laku utama yang dipilih secara berasingan. Contohnya, Yiing (2017) menjalankan kajian ke atas masyarakat di Malaysia, mendapati bahawa jantina perempuan mempunyai amalan pengurusan kewangan yang lebih baik berbanding lelaki. Falahati dan Sabri (2015) juga mendapati bahawa terdapat perbezaan jantina yang signifikan dari segi kesejahteraan kewangan, pengetahuan kewangan dan tahap tekanan kewangan yang dirasakan dalam kalangan pelajar kolej di Malaysia. Selain itu, dalam kajian Hira dan Mugenda (2000) dan Lim et al. (2003) turut menekankan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dari segi jantina terhadap tingkah laku kewangan dan sikap kewangan.

Bertentangan pula dengan kajian yang dijalankan oleh Dzamonda dan Fatoki (2018) ke atas usahawan luar bandar di Afrika Selatan, yang mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara tingkah laku pengurusan kewangan berdasarkan jantina. Dapatan ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Chan et al. (2010) ke atas rakyat Malaysia yang lebih berusia, dan kajian Jariah et al. (2012) terhadap pelajar universiti di Malaysia.

Walaubagaimanapun, ketiga-tiga kajian ini mendapati bahawa walaupun jantina di antara lelaki dan perempuan tidak mempunyai perbezaan yang signifikan, tetapi dapat dilihat bahawa jantina lelaki mempunyai skor min yang lebih tinggi berbanding perempuan di dalam tingkah laku menguruskan kewangan.

Dari sudut perbezaan umur, Yiing (2017) beranggapan bahawa kematangan umur individu akan mempengaruhi kepada tahap kebolehan dalam menguruskan kewangan terutama dari segi kehidupan yang lebih berhemah serta mempunyai perancangan perlindungan kewangan yang lebih baik apabila berlaku perkara yang tidak dijangka. Namun, hasil dapatan kajiannya mendapati bahawa, individu berusia lebih muda yang lebih mempunyai tahap amalan pengurusan kewangan yang lebih baik. Hasil dapatan tersebut selari dengan kajian yang dijalankan oleh *Financial Regulator of Ireland* (2009) ke atas masyarakat di Ireland di mana empat tingkah laku utama telah dipilih untuk melihat amalan pengurusan kewangan yang baik. Hasil kajian tersebut mendapati bahawa, individu yang berumur kurang dari 40 tahun kurang berkemampuan untuk merancang sesuatu yang dapat memenuhi keperluan kewangan mereka berbanding dengan individu yang berumur lebih dari 40 tahun. Namun, hasil dapatan tersebut bertentangan pula dengan kajian Dzamonda dan Fatoki (2018), yang mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan dari segi umur terhadap tingkah laku pengurusan kewangan dalam kalangan usahawan luar bandar.

Berdasarkan hasil penelitian di atas, pengkaji dapat merumuskan terdapat sebilangan pengkaji lepas yang menyatakan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan terhadap amalan pengurusan kewangan berdasarkan faktor jantina dan umur. Namun begitu, terdapat juga pengkaji lepas yang menyatakan bahawa tiada perbezaan bagi kedua faktor tersebut terhadap amalan pengurusan kewangan. Perbezaan hasil dapatan yang diperoleh adalah berkemungkinan disebabkan oleh perbezaan faktor responden dan negara yang dikaji. Walaubagaimanapun, terdapat hasil kajian yang terdiri daripada usahawan luar bandar mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi faktor jantina dan umur terhadap amalan pengurusan kewangan mereka.

### **Hubungan antara Tahap Pengetahuan Kewangan dengan Tahap Amalan Pengurusan Kewangan**

Pada zaman ekonomi yang pesat membangun ini, perniagaan kecil memerlukan akses kepada pelbagai sumber kewangan bagi memastikan kejayaan perniagaan mereka. Oleh itu, dengan adanya pengetahuan kewangan yang baik akan mendorong kepada amalan pengurusan kewangan yang lebih mantap, dan seterusnya akan menjadi sebuah perusahaan kecil yang berjaya (Xiang et al., 2011). Obazee (2019) dalam kajiannya turut menyatakan bahawa, usahawan PKS memerlukan pengetahuan kewangan yang baik sekiranya ingin mengamalkan pengurusan kewangan dengan lebih sistematik. Hubungan ini menunjukkan bahawa pendidikan memainkan peranan yang sangat penting sebagai medium dalam menyampaikan pengetahuan kewangan, dan akan meningkatkan lagi amalan pengurusan kewangan bagi setiap individu.

Kajian Nguyen dan Tran (2015) mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara pengetahuan kewangan dengan tingkah laku pengurusan kewangan dalam kalangan belia di Vietnam. Dapatan kajian ini disokong oleh kajian Yiing (2017) ke atas 990 orang rakyat Malaysia yang terdiri dari pelbagai jantina, umur, etnik dan bangsa. Hasil kajian tersebut mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara pengetahuan kewangan dengan tingkah laku amalan pengurusan kewangan, yang mana dapat dilihat melalui responden yang

mempunyai skor yang tinggi dalam pengetahuan kewangan akan mempunyai amalan pengurusan kewangan yang baik. Berbeza pula dengan kajian dari Indonesia yang dijalankan oleh Listiani dan Kurniawati (2017) yang mendapati bahawa tidak terdapat hubungan yang positif di antara pengetahuan kewangan dengan amalan pengurusan kewangan dalam kalangan mahasiswa di Surabaya. Kajian tersebut selari dengan kajian yang dijalankan oleh Prihartono dan Asandimitra (2018) yang turut menyatakan tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara pengetahuan kewangan dengan amalan pengurusan kewangan dalam kalangan mahasiswa di Indonesia.

Dari hasil beberapa penemuan di atas dapat disimpulkan bahawa seseorang akan dapat memahami pengetahuan kewangan yang akan diterapkan pada tingkah laku pengurusan kewangan adalah dipengaruhi oleh pendidikan formal yang diteruskan semasa di sekolah, kuliah atau seminar mengenai kewangan atau tambahan tunjuk ajar supaya dapat diterapkan dalam kehidupan seharian memberi kesan terhadap tingkah laku pengurusan kewangan yang baik.

#### **Hubungan antara Tahap Lokus Kawalan dengan Tahap Amalan Pengurusan Kewangan**

Lokus kawalan merupakan daya kawalan minda yang berkecenderungan ke arah positif ataupun negatif terhadap sesuatu situasi di dalam kehidupan individu (Sardogan et al., 2006). Kajian Brockhaus (1980) menunjukkan bahawa perbezaan di antara usahawan yang berjaya dengan tidak, adalah bergantung kepada kepercayaan lokus kawalan dalaman yang dimiliki oleh mereka. Kajian yang dijalankan oleh Arifin (2017) telah dapat membuktikan bahawa terdapat hubungan di antara lokus kawalan dengan pengetahuan kewangan serta amalan pengurusan kewangan. Kholila and Iramani (2013) dan Milka et al. (2014) juga mendapati bahawa lokus kawalan dapat mempengaruhi pengetahuan kewangan serta amalan pengurusan kewangan. Dapatan tersebut disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Listiani dan Kurniawati (2017), yang mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara lokus kawalan dengan tingkah laku pengurusan kewangan dalam kalangan pelajar kolej di Surabaya.

Sebaliknya dalam kajian yang dijalankan oleh Nguyen dan Tran (2015), mendapati bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara lokus kawalan dengan tingkah laku pengurusan kewangan dalam kalangan belia di Vietnam di mana hasil dapatan menunjukkan bahawa, individu yang mempunyai lokus kawalan yang baik tidak cenderung untuk mengamalkan tingkah laku pengurusan kewangan yang baik di dalam kehidupan. Begitu juga dalam kajian yang dijalankan oleh Prihartono dan Asandimitra (2018) yang menyatakan bawah tidak terdapat hubungan yang positif di antara lokus kawalan dengan tingkah laku pengurusan kewangan dalam kalangan mahasiswa.

Melalui penelitian daripada beberapa penemuan di atas dapat disimpulkan bahawa setiap individu mempunyai kawalan sendiri terhadap amalan pengurusan kewangan mereka. Namun, kawalan sendiri yang paling berkesan untuk diterapkan adalah kawalan dari dalam diri kerana dalam diri lebih mampu melindungi semua gangguan yang timbul akibatnya dorongan faktor luaran dan mampu menentukan keputusan kewangan berdasarkan skala keperluan keutamaan adalah lebih penting daripada keinginan.

## Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif untuk menguji hipotesis yang dicadangkan. Seramai 135 daripada 204 orang responden yang terdiri daripada usahawan KEJORA terlibat dalam kajian ini. Kajian ini juga menggunakan kaedah statistik deskriptif dengan menjalankan soal selidik terhadap responden. Borang soal selidik yang dibentuk adalah terdiri daripada 4 bahagian iaitu bahagian A, B, C dan D bagi proses pengumpulan data. Bahagian A terdiri daripada latar belakang responden iaitu jantina, umur, bangsa, taraf perkahwinan, latar belakang pendidikan dan jumlah pendapatan responden. Bahagian B, C dan D pula terdiri daripada soalan berkaitan pengetahuan kewangan, lokus kawalan dan amalan pengurusan kewangan responden. Pengkaji telah mengadaptasi soal selidik daripada kajian-kajian terdahulu. Antaranya ialah kajian Noor Atiqah (2017) berkaitan pengetahuan kewangan, Hermanwan, Soetjpto dan Rahayu (2018) berkaitan lokus kawalan dan Wolmarans dan Mentjes (2015) berkaitan amalan pengurusan kewangan.

Sebelum soal selidik sebenar diedarkan, satu kajian rintis telah dijalankan ke atas 30 orang responden yang terdiri daripada usahawan KEJORA di Parlimen Pengerang. Nilai kebolehpercayaan yang diperoleh bagi setiap pembolehubah bagi kajian ini ditunjukkan dalam jadual 1. Dapatan yang diperoleh daripada kajian ini menunjukkan bahawa pekali kebolehpercayaan bagi pengetahuan kewangan, lokus kawalan dan amalan pengurusan kewangan adalah sangat tinggi (Amla et al., 2010).

**Jadual 1: Nilai Cronbach Alfa Dimensi**

Item	Nilai Cronbach Alfa (Kebolehpercayaan)
Pengetahuan Kewangan	0.924
Lokus Kawalan	0.858
Amalan Pengurusan Kewangan	0.983

Semua data yang diperoleh akan dianalisis untuk menjawab persoalan-persoalan kajian yang dikemukakan. Analisis data bagi kajian ini melibatkan analisis statistik deskriptif, analisis statistik inferensi iaitu ujian-t sampel bebas, ANOVA sehala, kolerasi Pearson dan regrasi berganda. Bagi analisis ujian-t, ANOVA, kolerasi dan regrasi, pengkaji menggunakan aras signifikan 0.05 ( $p < 0.05$ ) disebabkan kebiasaannya aras signifikan ini digunakan bagi kajian tinjauan (Fauzi, Jamal & Mohd Saifoul, 2014).

## Dapatan dan Perbincangan

### Latar Belakang Responden

**Jadual 2: Latar Belakang Responden**

		Kekerapan (n=135)	Peratus (%)
<b>Jantina</b>	Lelaki	66	48.9
	Perempuan	69	51.1
<b>Umur</b>	21-30 tahun	22	17.8
	31-40 tahun	44	32.6
	41-50 tahun	38	28.1
	51-60 tahun	21	15.6
	61 tahun ke atas	8	5.9

<b>Bangsa</b>	Melayu	135	100
	Cina	0	0
	India	0	0
	Lain-lain	0	0
<b>Taraf Perkahwinan</b>	Bujang	12	8.9
	Berkahwin	115	85.2
	Bercerai	8	5.9
<b>Latar Belakang Pendidikan</b>	Darjah 6/ UPSR	1	0.7
	LCE/SRP/PMR/PT3	3	2.2
	SPM/SPMV	19	14.1
	HTC/STPM	17	12.6
	Sijil	12	8.9
	Diploma/ Matrikulasi	53	39.3
	Ijazah Pertama	26	19.3
	Sarjana/ PhD	4	3.0
<b>Jumlah Pendapatan (Bulanan)</b>	Bawah RM1000	12	8.9
	RM1001 - RM2500	51	37.8
	RM2501 - RM3500	50	37.0
	RM3501 - RM4500	14	10.4
	RM4501 - RM6000	2	1.5
	RM6001 - RM10000	5	3.7
	RM10001 - RM15000	1	0.7

Jadual 2 menunjukkan latar belakang responden bagi kajian ini. Sebanyak 51.1% adalah terdiri daripada usahawan perempuan. Selain itu, majoriti responden adalah terdiri daripada usahawan yang berumur 31 hingga 40 tahun (32.6%). Kesemua (100%) responden kajian ini adalah berbangsa Melayu. 39.3% responden pula mempunyai taraf pendidikan lepasan Diploma/Matrikulasi dan kebanyakan responden mempunyai jumlah pendapatan bulanan di antara RM1001 hingga RM2500 (37.8%).

### Mengikut Jantina

**Jadual 3: Perbezaan Skor Min Tahap Amalan Pengurusan Kewangan Usahawan berdasarkan Jantina (N=135)**

Jantina	Min	S.P	F	df	t	Sig.
Lelaki	3.7951	.63795	.162	133	.657	.688
Perempuan	3.7205	.67861				

Jadual 3 menunjukkan hasil ujian-t sampel bebas untuk melihat perbezaan tahap amalan pengurusan kewangan berdasarkan faktor jantina. Berdasarkan jadual tersebut, hasil mendapati nilai kebarangkalian ( $F=.162$ ,  $df=133$ ,  $p=.668$ ). Analisis menjelaskan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap amalan pengurusan kewangan berdasarkan jantina usahawan KEJORA.

Hasil dapatan ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Dzamonda dan Fatoki (2018), yang mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan jantina dalam tingkah laku pengurusan kewangan dalam kalangan usahawan luar bandar. Namun, dapatan ini disokong oleh kajian Chan et al.



(2010) dan Jariah et al. (2012) yang mendapati bahawa walaupun jantina di antara lelaki dan perempuan tidak mempunyai perbezaan yang signifikan, tetapi dapat dilihat bahawa jantina lelaki mempunyai skor min yang lebih tinggi berbanding perempuan di dalam amalan menguruskan kewangan.

### Mengikut Umur

**Jadual 4: Perbezaan Skor Min Tahap Amalan Pengurusan Kewangan Usahawan berdasrkan Umur (N=135)**

Umur	Min	S.P	F	df	Sig.
21-30 tahun	3.9087	.641	2.251	4	0.044
31-40 tahun	3.7554	.599			
41-50 tahun	3.7870	.505			
51-60 tahun	3.7869	.626			
61 tahun ke atas	3.0893	1.285			
<b>Purata</b>	<b>3.757</b>	<b>.657</b>			

Jadual 4 menunjukkan hasil ujian ANOVA sehala untuk melihat perbezaan tahap amalan pengurusan kewangan berdasarkan faktor umur. Berdasarkan jadual tersebut, hasil mendapati nilai kebarangkalian ( $F=2.251$ ,  $df=4$ ,  $p=0.044$ ). Analisis menjelaskan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan tahap amalan pengurusan kewangan berdasarkan umur usahawan KEJORA.

**Jadual 5: Analisis *Pos Hoc Tukey HSD* Bagi Skor Min Tahap Amalan Pengurusan Kewangan berdasarkan Umur Usahawan**

Umur	Umur	Beza Min (I-J)	Sig.
21-30 tahun	31-40 tahun	.15332	.881
	41-50 tahun	.12176	.950
	51-60 tahun	.12188	.969
	61 tahun ke atas	.81944*	.019
31-40 tahun	21-30 tahun	-.15332	.881
	41-50 tahun	-.03156	.999
	51-60 tahun	.03144	1.000
	61 tahun ke atas	.66613	.060
41-50 tahun	21-30 tahun	-.12176	.950
	31-40 tahun	.03156	.999
	51-60 tahun	.00012	1.000
	61 tahun ke atas	.69768*	.047
51-60 tahun	21-30 tahun	-.12188	.969
	31-40 tahun	.03144	1.000
	41-50 tahun	-.00012	1.000
	61 tahun ke atas	.69756	.074
61 tahun ke atas	21-30 tahun	-.12188*	.019
	31-40 tahun	.03144	.060
	41-50 tahun	-.00012*	.047
	50-61 tahun	.69768	.074

\* Perbezaan min adalah signifikan pada aras  $p < 0.05$

Bagi menentukan perbezaan tersebut, ujian perbandingan *pos hoc Tukey HSD* perlu dijalankan seperti yang ditunjukkan pada Jadual 5. Perbezaan yang ketara adalah antara umur pada 61 tahun ke atas dengan umur di antara 21 hingga 30 tahun (-.12188\*, sig. 0.019), dan umur 41 hingga 50 tahun (-.00012\*, sig. 0.047). Kedua-dua perbezaan yang wujud adalah signifikan pada aras keyakinan  $p < 0.05$ .

Dapatan kajian ini bertepatan dengan kajian yang dijalankan oleh Yiing (2017) ke atas rakyat di Malaysia, dan mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tingkah laku pengurusan kewangan berdasarkan faktor umur di mana umur yang lebih muda mempunyai amalan pengurusan kewangan yang lebih baik. Hasil dapatan ini menimbulkan kebimbangan bagi usahawan yang mempunyai umur yang lebih berusia. Justeru itu, golongan ini perlulah diberikan perhatian yang lebih serta mereka perlulah mengambil inisiatif untuk meningkatkan tahap amalan pengurusan kewangan agar kewangan perniagaan mereka lebih terjamin.

### **Hubungan di antara Tahap Pengetahuan Kewangan dengan Tahap Amalan Pengurusan Kewangan**

**Jadual 6: Hubungan Pengetahuan Kewangan dengan Amalan Pengurusan Kewangan Usahawan (N=135)**

		Pengetahuan Kewangan	Amalan Pengurusan Kewangan
Pengetahuan Kewangan	Kolerasi Pearson Sig. (2-tailed)	1	.421 .000
Amalan Pengurusan Kewangan	Kolerasi Pearson Sig. (2-tailed)	.421 .000	1

\*\* Signifikan pada aras keertian = 0.05 (2-tailed)

Jadual 6 menunjukkan hubungan kolerasi di antara tahap pengetahuan kewangan dengan tahap amalan pengurusan kewangan dalam kalangan usahawan KEJORA. Berdasarkan jadual di atas dapat dilihat ( $r = 0.421$ ,  $p = 0.000$ ,  $p < 0.05$ ), keputusan kolerasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara tahap pengetahuan kewangan dengan tahap amalan pengurusan kewangan usahawan. Nilai pekali kolerasi Pearson ( $r$ ) yang diperolehi ialah 0.421 dan ini bermakna hubungan tersebut sederhana. Nilai pekali kolerasi,  $r$  positif menunjukkan hubungan di antara tahap pengetahuan kewangan dengan tahap amalan pengurusan kewangan dalam kalangan usahawan KEJORA mempunyai hubungan yang langsung.

Dapatan kajian ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Yiing (2017) dan Nguyen dan Tran (2015) yang mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara pengetahuan kewangan dengan amalan pengurusan kewangan. Usahawan yang mempunyai pendidikan kewangan secara tidak langsung akan melatih diri mereka untuk mempunyai amalan pengurusan kewangan yang baik. Kesimpulannya, usahawan yang berpendidikan lebih tinggi akan mempunyai amalan pengurusan yang lebih baik berbanding dengan usahawan yang mempunyai pendidikan yang rendah.

## Hubungan di antara Tahap Lokus Kawalan dengan Tahap Amalan Pengurusan Kewangan

**Jadual 7: Hubungan Lokus Kawalan dengan Amalan Pengurusan Kewangan (N=135)**

		Lokus Kawalan	Amalan Pengurusan Kewangan
Lokus Kawalan	Kolerasi Pearson Sig. (2-tailed)	1	.401 .000
Amalan Pengurusan Kewangan	Kolerasi Pearson Sig. (2-tailed)	.401 .000	1

\*\* Signifikan pada aras keertian = 0.05 (2-tailed)

Jadual 7 menunjukkan hubungan kolerasi di antara tahap lokus kawalan dengan tahap amalan pengurusan kewangan dalam kalangan usahawan KEJORA. Berdasarkan jadual di atas, dapat dilihat ( $r = 0.401$ ,  $p = 0.000$ ,  $p < 0.05$ ), keputusan kolerasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara tahap lokus kawalan dengan tahap amalan pengurusan kewangan dalam kalangan usahawan. Nilai pekali kolerasi Pearson ( $r$ ) yang diperolehi ialah 0.401 dan ini bermakna hubungan tersebut juga adalah sederhana. Nilai pekali kolerasi,  $r$  positif menunjukkan hubungan di antara tahap lokus kawalan dengan tahap amalan pengurusan kewangan dalam kalangan usahawan KEJORA mempunyai hubungan yang langsung.

Hasil dapatan yang diperolehi adalah selari dengan kajian yang dijalankan oleh Zakaria et al. (2012) yang dapat membuktikan bahawa terdapat hubungan di antara lokus kawalan dengan pengetahuan kewangan serta amalan pengurusan kewangan. Dapatan tersebut disokong oleh Kholila and Iramani (2013) dan Milka et al. (2014) yang mendapati bahawa lokus kawalan dalaman dapat mempengaruhi pengetahuan kewangan serta amalan pengurusan kewangan. Jelaslah bahawa individu yang mempunyai lokus kawalan dalaman yang baik mampu melindungi semua gangguan yang timbul akibatnya dorongan faktor luaran dan mampu menentukan keputusan kewangan berdasarkan keperluan keutamaan yang lebih penting daripada keinginan.

## Faktor yang Paling Mempengaruhi Amalan Pengurusan Kewangan dalam Kalangan Usahawan KEJORA

**Jadual 8: Analisis Regresi**

	Koefisien Tidak Piawai		Koefisien Piawai	t	Sig.
	B	Keralatan Piawai	Beta		
Pengetahuan Kewangan	.377	.122	.287	3.099	.002
Lokus Kawalan	.312	.120	.241	2.604	.010

Pembolehubah bersandar: Amalan Pengurusan Kewangan

Jadual 8 di atas menunjukkan analisis regresi bagi pengetahuan kewangan dan lokus kawalan terhadap amalan pengurusan kewangan. Hasil analisis mendapati bahawa pengetahuan kewangan mempunyai pengaruh yang signifikan dengan nilai  $t$  adalah 3.099, nilai signifikan  $0.002 < 0.05$  di mana mempunyai hubungan yang positif. Seterusnya, lokus kawalan pula mempunyai nilai  $t = 2.604$ , dengan nilai pengaruh yang signifikan  $0.010 < 0.05$  yang mana turut mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap amalan pengurusan kewangan.

Melalui hasil yang di dapati menunjukkan faktor yang paling mempengaruhi amalan pengurusan kewangan ialah faktor pengetahuan kewangan. Hal ini ditentukan dengan merujuk jadual 8 melalui bacaan  $Beta = .287$  iaitu mempunyai bacaan beta paling tinggi berbanding faktor lokus kawalan. Bacaan nilai beta ( $B$ ) pula dapat menjelaskan pengetahuan kewangan memengaruhi amalan pengurusan kewangan di mana nilai  $B = .377$ . Lokus kawalan pula merupakan pengaruh kedua tertinggi di mana nilai  $B = .312$ .

Hasil dapat ini menyokong kajian yang dijalankan oleh Xiang et al. (2011) yang menyatakan bahawa dengan adanya pengetahuan kewangan yang baik dapat mendorong kepada amalan pengurusan kewangan yang mantap seterusnya akan menjadi sebuah perusahaan kecil yang berjaya. Dapat disimpulkan bahawa tahap amalan pengurusan kewangan dipengaruhi oleh tahap pengetahuan kewangan yang diterima oleh usahawan. Semakin tinggi tahap pengetahuan kewangan yang diterima, semakin tinggi tahap amalan pengurusan kewangan dalam kalangan usahawan. Melalui pendidikan kewangan yang berkesan, usahawan akan dapat menerapkan amalan pengurusan kewangan yang lebih sistematik di dalam perniagaan mereka.

### **Kesimpulan dan Cadangan**

Secara keseluruhannya, hasil kajian ini mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap amalan pengurusan kewangan berdasarkan faktor jantina bagi usahawan lelaki dan perempuan. Berbeza pula dari segi faktor umur, kajian ini mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan di mana usahawan yang berusia lebih muda akan lebih berkecenderungan untuk memiliki amalan pengurusan kewangan yang lebih baik berbanding dengan usahawan yang berusia lebih tua. Seterusnya, hasil analisis kolerasi *Pearson* pula menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara tahap pengetahuan kewangan dan tahap lokus kawalan dengan tahap amalan pengurusan kewangan. Namun, hubungan yang dimiliki itu adalah sederhana. Akhir sekali, kajian mendapati bahawa elemen pengetahuan kewangan merupakan faktor yang lebih mempengaruhi kepada amalan pengurusan kewangan dalam kalangan usahawan KEJORA.

Dapat disimpulkan bahawa, faktor umur memainkan peranan yang sangat penting dalam mempengaruhi amalan pengurusan kewangan usahawan. Hal ini berkemungkinan disebabkan oleh usahawan yang berusia lebih muda akan lebih mudah untuk membuka minda mereka akan kepentingan dalam mengamalkan pengurusan kewangan yang baik bagi perniagaan mereka. Selain itu, untuk mengamalkan pengurusan kewangan dengan cara yang sistematik memerlukan seseorang itu mempunyai ilmu dan kemahiran. Jadi, tidak hairanlah sekiranya individu yang berusia lebih muda akan memahami konsep pengurusan kewangan dengan lebih cepat berbanding dengan individu yang berusia lebih tua. Namun adalah menjadi suatu perkara yang tidak mustahil jika ilmu dan amalan pengurusan kewangan ini dapat diterapkan dalam kalangan semua peringkat umur usahawan sekiranya dilaksanakan dengan cara yang betul.

Terdapat pelbagai inisiatif yang boleh dilakukan untuk meningkatkan lagi tahap pengetahuan dan kemahiran pengetahuan kewangan dalam kalangan rakyat di Malaysia, antaranya ialah dengan menerapkan pengetahuan berkenaan kewangan kepada setiap individu sejak dari kecil lagi. Ini bermakna, pendidikan berkaitan kewangan mestilah dititik beratkan oleh ibu bapa sejak dari rumah lagi dan seterusnya melalui pembelajaran secara formal di sekolah. Selain itu, pihak yang terlibat juga boleh mewajibkan usahawan untuk menghadiri kursus kewangan yang dibuat secara khusus agar dapat membantu usahawan untuk mengamalkan pengurusan kewangan mereka dengan lebih sistematik.

Bagi rujukan pengkaji akan datang, pengkaji mencadangkan agar kajian berkaitan amalan pengurusan kewangan juga boleh diberikan tumpuan kepada perbezaan tahap amalan pengurusan kewangan dalam kalangan usahawan yang berada di bandar dan juga luar bandar. Di samping itu, satu kajian berkaitan mengenal pasti faktor-faktor yang menjadi penghalang kepada usahawan untuk mengamalkan pengurusan kewangan dengan cara yang sistematik juga boleh dititikberatkan agar punca utama permasalahan yang dihadapi dapat ditangani dengan cara yang lebih efektif.

### Rujukan

- Ajzen. (2002). Constructing TPB Questionnaire: Conceptual and Methodological Considerations.
- Amla Salleh, A., Zahara, Zuria, M. & Mahyuddin, A. (2010). Peranan Ibu Bapa dalam Pembangunan Remaja dan Implikasinya Terhadap Nilai Kekeluargaan. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 35(2): 9-17.
- Arifin, Agus Z., Kevin, & Halim Putera Siswanto. (2017). The Influence of Financial Knowledge, Financial Confidence, and Income on Financial Behavior among the Workforce in Jakarta. *MIX: Jurnal Ilmiah Manajemen*, 37-47.
- Arifin, A. Z., Anastasia, I., Siswanto, H. P., & Henny. (2018). The Effects of Financial Attitude, Locus of Control, and. *International Conference on Entrepreneurship and Business Management (ICEBM) Untar*, 59-66.
- Brockhaus, R.H. (1980) Risk Taking Propensity of Entrepreneurs. *Academy of Management Journal* 23, 509-520.
- Chan, B., Masud, J., Hamid, T.A., & Paim, L. (2010). Financial Wellbeing of Older Peninsula Malaysians: A Gender Comparison. *Asian Social Science* 6(3): 58-63.
- De Geest, D. S., Follmer, E. H., Walter, S. L., & O'Boyle, E. H. (2015). The Benefits of Benefits: A Dynamic Approach to Motivation-Enhancing Human Resource Practices and Entrepreneurial Survival. *Journal of Management*, XX(X), 1-30.
- Dzomonda, O. & Fatoki, O. (2018). Evaluating the Effect of Owners' Demographic Characteristics on the Financial Management Behaviour of Rural Entrepreneurs in South Africa. *Academy of Accounting and Financial Studies Journal* 22(3): 1-11.
- Falahati, L., & Sabri M. F. (2015). An Exploratory Study of Personal Financial Well-Being Determinants: Examining the Moderating Effect of Gender. *Asian Social Science* 11(4): 33-42.
- Fauzi Hussin, Jamal Ali & Mohd Saifoul, Z.N. (2014). *Kaedah Penyelidikan Dan Analisis Data SPSS*. Universiti Utara Malaysia.
- Financial Regulator of Ireland. (2009). *Financial Capability in Ireland: An Overview*. Dublin, Ireland: Financial Regulator.

- Hermawan, R. W., Soetjipto, B. E. & Rahayu, W. P. (2016). The Effect of Entrepreneurial Self-Efficacy and Locus of Control on Entrepreneurship Interest Through Entrepreneurship Literacy. *Journal of Business and Management* 18(2): 141-148.
- Hira, T. K., & Mugenda, O. M. (2000). Gender Differences in Financial Perceptions, Behaviors and Satisfaction. *Journal of Financial Planning* 13(2): 86-92.
- Husin, M. & Ibrahim, M. (2014). The Role of Accounting Services and Impact on Small Medium Enterprises (SMEs) Performance in Manufacturing Sector from East Coast Region of Malaysia: A Conceptual Paper. *Procedia-Social and Behavioral Sciences* 115: 54-67.
- Idris, et al. (2013). Relationship between Financial Literacy and Financial Distress among Youths in Malaysia -An Empirical Study. *Malaysian Journal of Society and Space* 9(4), 106-117.
- Jariah, M., Husna, S., Tengku Aizan, T.A. H., & Rahimah, I. (2012). Financial Practices and Problems Amongst Elderly in Malaysia. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities* 20(4): 1065-1084.
- Kee-Luen, W., Thiam-Yong, K., & Seng-Fook, O. (2013). Strategic Planning and Business Performance: A Study of SMEs in Malaysia. Proceedings of 3rd Asia-Pacific Business Research Conference 25 - 26 February 2013, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Kesavayuth, D., Ko, K. M., & Zikos, V. (2018). Locus of control and financial risk attitudes. *Economic Modelling*, 72, 122-131.
- Kholilah, Naila Al. & Rr. Iramani. (2013) Studi Financial Management Behavior pada Masyarakat Surabaya. *Journal of Business and Banking*, 3(1), 69-80.
- Lim, V. K. G., Teo, T. S. H., & Loo, G. (2003). Sex, Financial Hardship and Locus of Control: An Empirical Study of Attitudes Towards Money Among Singaporean Chinese. *Personality and Individual Differences* 34(3): 411-429.
- Listiani, K., & Kurniawati, S. R. (2017). Pengaruh Financial Knowledge, Locus of Control dan Financial Attitude Terhadap Financial Management Behaviour Pada Mahasiswa. Surabaya: Sekolah Ilmu Tinggi Ekonomi Perbanas.
- Mazzarol, T. (2015). SMEs Engagement With e- Commerce, e-Business and Emarketing. *Small Enterprise Research*, 1-12.
- Milka, E., Escalera, C, Arturo, G. S., Elena, M. G., Arturo, C. R., Lourdes, M. F., Arturo, G. S. (2014). Locus of Control and its Relation to Success Firms. *Wulfenia Journal* 21(10): 78-87.
- Nguyen, T. N. M. & Tran, P. T. (2015). Factors Affecting Personal Financial Management Behaviors: Evidence from Vietnam. *Proceedings of the Second Asia-Pacific Conference on Global Business, Economics, Finance and Social Sciences* VI532.
- Noor Atiqah Binti Ab Talib. (2017). *Sumber Pendidikan Kewangan, Tahap Literasi Kewangan dan Hubungannya Dengan Tingkah Laku Kewangan Usahawan Mini RTC Zon Utara*. Tesis Dr. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Noor Atiqah, A. T., Rusliza, Y. & Mohd Abdullah Jusoh. (2017). Pendidikan Kewangan, Tahap Literasi Kewangan Dan Hubungannya Dengan Tingkah Laku Kewangan Usahawan Mini RTC Zon Utara. *International Journal Accounting, Finance and Business*. 2(5):123-135.
- Obazee, A. T. (2019). Exploring Financial Management Practices of Small and Medium-Sized Enterprises in Nigeria. *Walden Dissertations and Doctoral Studies*. 7566.
- Parrotta, J.L., Johnson, P.J., (1998). The Impact of Financial Attitudes and Knowledge on Financial Management and Satisfaction of Recently Married Individuals. *Financial Counseling and Planning* 9(2): 59-75.

- Pinjisakikool, T. (2017). The Effect of Personality Traits on Households' Financial Literacy. Citizenship, *Social and Economics Education*, 16(1), 39-51.
- Prihartono, M. R. D., & Asandimitra, N. (2018). Analysis Factors Influencing Financial Management Behaviour. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(8), 308–326.
- Ravjee., B., & Mamabolo, M. A. (2019). The Impact of Corporate Entrepreneurship on Service Innovation: A Case of a South African Banking Institution. *The Southern African Journal of Entrepreneurship and Small Business Management* 2522-7343.
- Robb, C. A., & Woodyard, A. S. (2011). Financial Knowledge and Best Practice Behavior. *Journal of Financial Counseling and Planning*, 22(1), 60–70.
- Rotter, J. B. (1966). Generalized Expectancies for Internal Versus External Control of Reinforcement. *Psychological Monographs: General and Applied* 80(1): 1–28.
- Sajiah, Y., Azahari, R., & Muhammad Shukri, B. (2016). Pengaruh Pengurusan Risiko Kepada Prestasi Perusahaan Kecil Dan Sederhana: Pendekatan ERM. *Journal of Human Development and Communication (JOHDEC)* 5:103-112.
- Sardogan E. M., Kaygusuz, C. ve Karahan, T. F. (2006). A Human Relations Skills Training Program, University Students' Locus of Control Levels, Mersin University. *Journal of the Faculty of Education*, 2 (2)184-194.
- Sheikh Ali, A. (2019). Financial Management Practices and Financial Performance of. *Research Journal of Finance and Accounting*, 59-68.
- Mazzarol, T. (2015). SMEs Engagement With e- Commerce, e-Business and Emarketing. *Small Enterprise Research*, 1-12.
- Tom Wilson. (2008). The Behaviour/Practice Debate: A Discussion Prompted by Tom Wilson's Review of Reijo Savolainen's Everyday Information Practices: a Social Phenomenological Perspective. Lanham, Md: Scarecrow Press, 2008. *IR Information Research* 14(2).
- Wan Ajrul Aswad, Mohd Faizal Abd Rahman & Siti Mahani Shaik Ismail. (2018). Amalan Pengurusan Kewangan Dalam Kalangan Peniaga Pasar Malam Kawasan Pasir Gudang. *e-Proceedings National Innovation and Invention Competition Through Exhibition 2018*.
- Wolmarans, H.P. & Meintjes, Q. (2015). Financial Management Practices in Successful Small and Medium Enterprises (SMEs). *The Southern African Journal of Entrepreneurship and Small Business Management* 7(1): 88-116.
- Xiang, D., Worthington, A. C & Higgs, H. (2011). Firm-Level Determinants and Impacts of Finance-Seeking Behaviour and Outcomes for Small and Medium-Sized Enterprises (SMEs) in Australia. Discussion Papers in Finance: 201115. *Griffith University, Department of Accounting, Finance and Economics*.
- Yahaya, R., Zainol, Z., Abidin, J. H. O. @ Z., & Ismail, R. (2019). The Effect of Financial Knowledge and Financial Attitudes on Financial Behavior among University Students. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 9(8), 22–32.
- Yiing-, J. L. (2017). The Influence of Socio-Demographic and Financial Knowledge Factors on Financial Management Practices of Malaysians. *International Journal of Business and Society* 18(1): 33-50.
- Yogasnumurti, R. R., Sadalia, I., & Irawati, N. (2020). The Effect of Financial Attitude and Financial Knowledge. *International Journal of Research and Review*, 219-229.
- Yusoff, T., A. Wahab, S., . Latiff, A. A, W. Osman, S., Zawawi, N., & Fazal, S. (2018). Sustainable Growth in SMEs: A Review from the Malaysian. *Journal of Management and Sustainability*, 43-54.

Zakaria, R. H., Jaafar, N. I. M., & Marican, S. (2012). Financial Behavior and Financial Position: A Structural Equation Modelling Approach. *Middle East Journal of Scientific Research* 12(10): 1396-1402.